

D453

B B205 DEB
MAHATHIR - FELDA R R R

1985

KOTA TINGGI, 29 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN FELDA SUPAYA MENYELIDIK UNTUK MENDAPATKAN TANAM-TANAMAN LAIN DAN JANGAN BERGANTUNG KEPADA SATU-DUA TANAMAN SEPERTI SEKARANG.

KATANYA PENGALAMAN NEGARA MENGHADAPI MASALAH AKIBAT TEKANAN TERHADAP GETAH ASLI YANG MENGHADAPI SAINGAN DENGAN GETAH TIRUAN PATUT DIAMBIL INGATAN OLEH SEMUA PIHAK DI NEGARA INI.

DAHULU, KATANYA, TIDAK TERBAYANG BAHAWA INDUSTRI GETAH ASLI AKAN MENGHADAPI KESULITAN ATAU SAINGAN TETAPI APABILA HARGA GETAH MELAMBUNG TINGGI, NEGARA-NEGARA MAJU TELAH MENGGUNAKAN KEPAKARAN TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN UNTUK Mencari GANTIAN YANG LEBIH BAIK DARIPADA GETAH ASLI.

KETIKA BERUCAP SEMPENA LAWATANNYA KE FELDA AIR TAWAR DUA DEKAT SINI, PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN KELAPA SAWIT MERUPAKAN SATU KELUARAN UTAMA NEGARA, PERLU BAGI NEGARA TIDAK TERLALU BERGANTUNG KEPADA BAHAN ITU SUPAYA MASALAH BERKAITAN DENGAN INDUSTRI GETAH ASLI TIDAK BERULANG.

UNTUK ITU, BELIAU BERHARAP FELDA, SEBAGAI ESTET TERBESAR DI DUNIA, HENDAKLAH MEMPUYAI PANDANGAN JAUH DAN MENJALANKAN KAJI SELIDIK DARI SEKARANG UNTUK Mencari TUMBUH-TUMBUHAN YANG DAPAT DITANAM APABILA TIMBUL KEMUNGKINAN KELAPA SAWIT TIRUAN DAPAT DIHASILKAN. -- LAGI.

1520MST 29 06 85

D457

B B208 DEB
MAHATHIR - FELDA 2 KOTA TINGGI R R R

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENYARANKAN SUPAYA FELDA MENGUBAH KONSEP PEMBUKAAN TANAHNYA DENGAN MEMINTA BAKAL-BAKAL PENEROKA MENGAMBIL BAHAGIAN YANG MELUAS DALAM MENJAYAKAN SATU-SATU RANCANGAN.

PADA MASA INI, KATANYA, PEMBUKAAN TANAH DAN PENANAMAN DIBUAT OLEH KONTRAKTOR DAN PENEROKA HANYA DIAMBIL APABILA POKOK TANAMAN ITU MULA MENGELUARKAN HASIL.

DALAM KONSEP BARU ITU KELAK, PENEROKA SENDIRI DIKEHENDAKI MEMBUKA RANCANGAN, MENYEDIA TAPAK DAN MENANAM TANAMAN YANG DISEDIAKAN UNTUK SATU-SATU RANCANGAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KONSEP MENGGUNAKAN KONTRAKTOR DIBUAT MEMANDANGKAN KERAJAAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PEMBUKAAN TANAH SECARA BESAR-BESARAN DI SELURUH NEGARA DALAM USAHA KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK MEMBERI TANAH KEPADA MEREKA YANG HAUSKAN TANAH.

TETAPI, SEKARANG KEPERLUAN TERGESA-GESA ITU TIDAK WUJUD LAGI, DAN DENGAN ITU AMATLAH WAJAR PARA PENEROKA SENDIRI MEMAINKAN PERANAN DARI MULA-MULA LAGI DI RANCANGAN TANAH YANG MEREKA SERTAI KELAK. -- LAGI.

1531MST 29 06 85

B B239 DEB

MAHATHIR - FELDA 3 KOTA TINGGI R R R

PERDANA MENTERI BERKATA FELDA MERUPAKAN SATU ORGANISASI YANG PALING BERJAYA DI MALAYSIA YANG TELAH MEMBOLEHKAN RAKYAT MENIKMATI KEMAKMURAN DARI PEMBUKAAN DAN PENEROKAAN TANAH.

BELIAU BERHARAP KONSEP BARU ITU AKAN DAPAT DITERIMA OLEH BAKAL-BAKAL PENEROKA ATAU PENEROKA-PENEROKA BARU DENGAN HATI TERBUKA SUPAYA TIDAK DITUDUH SEBAGAI TIDAK MAHU BEKERJA KERAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERSYUKUR AKAN KERJASAMA DAN BANTUAN YANG TELAH DIBERIKAN OLEH MASYARAKAT PENEROKA DI SELURUH NEGARA DALAM MENJAYAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN TANAH.

MENGENAI PERMINTAAN PARA PENEROKA DI GUGUSAN FELDA AIR TAWAR BAGI MENDAPATKAN BEKALAN ELEKTRIK, PUSAT KESIHATAN DAN PEJABAT POS, BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDANG MENIMBANGKAN PERMINTAAN ITU TETAPI SECEPAT MANA IA AKAN DILAKSANAKAN AKAN BERGANTUNG KEPADA KEUPAYAAN KEWANGAN NEGARA.

SEMPENA LAWATANNYA KE SITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MERASMIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN DAN SEKOLAH MENENGAH FELDA AIR TAWAR DUA, STESEN MINYAK DAN MINI MARKET KELOLAAN ANAK SYARIKAT FELDA.

YANG TURUT HADIR MENTERI BESAR JOHOR, DATUK ABDUL AJIB AHMAD, MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK SERI ADIB ADAM DAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD. -- BERNAMA.

1616MST 29 06 85